

05/08/2002

Proses gabung Celcom, TM Cellular tidak ambil masa lama

TECHNOLOGY Resources Industries Bhd (TRI) menjangka cadangan menggabungkan anak syarikatnya Celcom Malaysia Bhd (Celcom), dengan TM Cellular Sdn Bhd (TM Cellular), tidak akan mengambil masa yang lama.

Pengerusi TRI, Datuk Dr Munir Majid berkata, ini kerana rundingan di antara pihaknya dengan Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) yang juga syarikat induk TM Cellular, giat dilakukan dan berjalan lancar.

Katanya, berkata aspek formal penggabungan mungkin boleh diselesaikan dalam tempoh beberapa bulan tetapi proses integrasi kakitangan dalam bahagian perniagaan mungkin mengambil masa.

Beliau berkata, proses integrasi itu perlu dilakukan dengan teliti dengan mengambil kira usaha pemasaran bersama yang mungkin boleh memberi penjimatan dari segi operasi syarikat.

"Proses penggabungan ini sedang dikaji dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pengarah Bebas manakala pengurusan TRI belum terbabit sepenuhnya dalam proses penggabungan kerana ia perlu melalui pelbagai peringkat termasuk dari segi undang-undang.

"Ia mungkin boleh dilakukan dengan cepat tetapi apa yang mengambil masa ialah integrasi antara kakitangan dan operasi perniagaan.

"Bagaimanapun, kita perlu menunggu hasil ketekunan wajar yang dilakukan terhadap kedua-dua syarikat ini," katanya ketika ditemui Berita Harian di Langkawi, kelmarin.

Beliau berada di Langkawi bagi menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bermula Khamis lalu dan berakhir kelmarin.

Sebelum ini, penganalisis tempatan berkata, integrasi rangkaian telekomunikasi di antara Celcom dan TM Cellular yang mengendalikan TM Touch dijangka mengambil masa yang lama iaitu sehingga dua tahun.

Telekom Malaysia kini pemegang saham terbesar TRI dengan ekuiti sebanyak 31.25 peratus dan penggabungan kedua-dua syarikat itu akan membentuk sebuah kumpulan telekomunikasi selular terbesar tempatan dengan gabungan asas pelanggan kira-kira 3.41 juta.

Syarikat itu dalam kenyataannya kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebelum ini berkata, ia menunggu permulaan proses urus niaga dengan TRI dan keputusan mengenai struktur bagi penggabungan TM Cellular dengan Celcom secepat mungkin.

Syarikat itu mahu mempercepatkan proses penggabungan itu bagi memastikan pelanggan kedua-dua syarikat memperoleh perkhidmatan terbaik, pada masa sama meningkatkan nilai pemegang saham.

TRI juga mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Pengarah Bebas yang berperanan mengkaji, menilai dan mempertimbangkan pembelian atau pemindahan TM Cellular daripada Telekom Malaysia dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah.

Ditanya mengenai jenama yang akan digunakan apabila penggabungan selesai, Munir yang juga Pengarah Telekom Malaysia berkata, ia adalah sebahagian daripada integrasi yang masih belum ditentukan, sama ada akan terus mengekalkan dua jenama berasingan 013 dan 019.

Bagaimanapun, katanya pilihan lain ialah menjual jenama kedua-dua produk itu secara bersama termasuk membangunkan perkhidmatan telekomunikasi generasi ketiga (3G) yang diperoleh Telekom Malaysia baru-baru ini.

"Celcom memiliki jenama yang baik termasuk rangkaian liputan yang luas dan pernah muncul sebagai jenama nombor satu tetapi disebabkan persepsi

terhadap syarikat serta kedudukan tunai lemah menyebabkan syarikat gagal mengekalkan kedudukannya," katanya.

Beliau berkata, proses penilaian turut menjadi bahagian penting dalam proses penggabungan antara kedua-dua syarikat terbabit dan dilaksanakan oleh penilai syarikat masing-masing secara teliti.